

# Peranan pentadbir organisasi amat penting, kata Musa

NST 26.5.2016 2

OLEH MARRYAN RAZAN  
marrayan@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Peranan pentadbir organisasi amat penting dalam memastikan organisasi mencapai tahap modal insan kelas pertama, berdaya saing dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, ini kerana aspek itu dilihat sebagai paling kritikal dalam mencapai misi nasional negara ke arah sebuah negara maju.

Selain itu katanya, ia juga merupakan penentu signifikan untuk menyerlahkan potensi dan kemajuan pembangunan di Malaysia.

"Justeru, sejajar dengan arus kepesatan pembangunan, wujud konsep-konsep yang diketengahkan oleh kepimpinan negara untuk menerangkan pentingnya sebuah bangsa mempersiapkan diri dengan sumber insan berkualiti dan mampu merentasi arus globalisasi.

"Menerusi seminar ini, saya percaya ia dapat memberi ruang dan peluang kepada para peserta berkongsi ilmu dan kepakaran sekaligus membolehkan mereka mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan tersebut bagi peningkatan kerjaya dan memajukan organisasi.

"Ia juga menyumbang kepada aspek pembangunan dan kesejahteraan sosial, sekaligus mengasah bakat kepimpinan dan mewujudkan jaringan kenalan yang lebih luas," katanya dalam teks ucapan perasmian Persidangan Pengurusan dan Profesional Kinabalu kali ke-4 tahun 2016, di Hotel Promenade, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Haji Ramlee Marhaban.

Musa berkata program ini membuktikan komitmen tinggi bagi merealisasikan proses transformasi negara ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Saya percaya persidangan ini bakal menghasilkan satu perkongsian dan buah fikiran yang mampu menjadi pencetus kepada pemeraksanaan kepimpinan bermula dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat lebih tinggi untuk terus unggul dalam memikul tanggungjawab sebagai pemimpin yang berwibawa

dalam organisasi masing-masing," katanya.

Bagaimanapun katanya kepimpinan tidak akan bermakna jika tidak berpaksikan kepada pencapaian. Ini kerana kepimpinan berteraskan pencapaian adalah kemuncak penilaian kepada kepimpinan yang bertanggungjawab sebagai pentadbir dalam organisasi.

"Sebab itu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) amat oenting bagi membolehkan perkhidmatan sesebuah organisasi dapat dinilai secara holistik merangkumi penilaian kuantitatif dan kualitatif.

"Sebagai pemimpin di tempat kerja atau organisasi, kita harus memberikan yang terbaik bukan hanya tujuan mencapai KPI yang telah digariskan tetapi sebagai tanggungjawab dalam menjalankan kewajipan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan," katanya.

Musa berkata, bagi kalangan pentadbir dalam perkhidmatan awam khususnya, Perdana Menteri menekankan bahawa di bawah konsep rakyat didahulukan, sektor awam perlu melihat rakyat sebagai klien yang utama.

sehubungan itu beliau berharap persidangan ini dapat membakar semangat dan mencetus iltizam tinggi untuk mengintegrasikan hasil positif dan mengadaptasi penemuan terbaharu bagi memantapkan lagi pelaksanaan pentadbiran dalam tugas dan kehidupan seharian.

Persidangan dua hari bermula kelmarin itu dihadiri Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) No'man Haji Ahmad, Presiden Peratuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (PPUMS) Azmi Jumat dan Pengerusi Persidangan Pengurusan dan Profesional Kinabalu Ke-IV Effendy Hadis.

Ahli-ahli panel persidangan terdiri daripada pemimpin dan tokoh-tokoh yang disegani antaranya Menteri Belia dan Sukan Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan, Pengarah Kastam negeri Sabah Datuk Dr.Hj Janatan Kandok, Pengarah Bahagisan Urus Tadbir Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Dato' Zainul Darus, Ketua Pengarah Biro Tatanegara (BTN) Datuk Ibrahim Saad dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Mahfar.



RASMI ... Ramlee (dua dari kanan) bersama No'man (dua dari kiri), Azmi (kiri) dan Effendy, ketika merasmikan persidangan itu.



CENDERAKENANGAN ... Ramlee (dua dari kiri) menerima cendera kenangan daripada No'man. Turut kelihatan, Azmi (kiri) dan Effendy (kanan).